

Pendidik berjasa, pejuang keselamatan

Pada jam 4.15 pagi, 13 Oktober 2013, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi dijemput oleh Allah SWT untuk selama-lamanya. Terlalu banyak jasa beliau kepada pendidikan tinggi negara, Universiti Putra Malaysia dan kejuruteraan jalan raya.

Namun di antara jasa beliau yang paling ketara adalah dalam keselamatan jalan raya.

Radin Umar menerajui penyelidikan keselamatan jalan raya mulai awal 1980 ketika tiada siapa yang menghiraukan tren keselamatan ketika itu.

Radin Umar menjadi pejuang yang berjaya memperkenalkan lorong motosikal eksklusif pertama di Malaysia dan di dunia.

Beliau juga memperkenalkan pendekatan integratif intervensi keselamatan jalan raya pada 1997 yang berjaya mengubah tren kematian akibat nahas jalan raya daripada meningkat kepada menurun ketika itu.

Ketua Pengarah MIROS pertama

Hajat utama Radin Umar adalah untuk melahirkan sebuah institusi penyelidikan nasional yang khusus kepada penyelidikan dan advokasi keselamatan jalan raya. Hajat ini tercapai dengan tertubuhnya Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada 3 Januari 2007 dan Radin Umar dilantik sebagai Ketua Pengarah pertamanya.

MIROS juga adalah institut penyelidikan pertama yang khusus untuk keselamatan jalan raya di dunia pada ketika itu.

Pencetus idea baru kaedah tangani kemalangan

Melalui MIROS, Radin Umar mencetus idea baru dalam pelbagai kaedah untuk menangani kemelut kemalangan jalan raya. Antaranya, penyiasatan kemalangan dan inkuiri kemalangan jalan raya yang terus dijalankan sehingga hari ini untuk mengenal pasti punca sesuatu kemalangan dan untuk mencari intervensi dan dasar baru untuk mengelakkan ia berulang.

Pendidikan keselamatan jalan raya Malaysia kini dima-

sukkan dalam silibus tetap kurikulum untuk sekolah rendah dan menengah. Unit perlanggaran di MIROS iaitu MIROS Provisional Car Crash Centre (PC3) di Melaka kini menjadi tuan rumah kepada ASEAN NCAP yang diiktiraf untuk tujuan penarafan kereta dari aspek keselamatan kenderaan.

Walau banyak mana dinyatakan jasa beliau, keinginannya agar rakyat Malaysia berubah menjadi pengguna jalan raya yang selamat masih tidak dapat dicapai.

Semangat perjuangan beliau terus diuji Allah SWT apabila pada hujung kehidupan yang penuh berjasa, beliau perlu berjuang dengan ujian barah usus yang dihadapi sejak 2010 lagi. Al-Fatihah.

Prof Farhan
Universiti Sains Malaysia